

23 FEB 1999

ISLAM-D-8 (Analisis)

D-8, PERKUMPULAN ISLAM BERORIENTASI PROJEK

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Cuma 16 bulan setelah dibentuk, kumpulan lapan negara Islam sedang membangun (D-8) telah membuahkan hasil yang ketara dalam bentuk pesawat udara ringan untuk kegunaan pertanian, skim insurans Islam (Takaful) dan aktiviti-aktiviti perdagangan di kalangan anggota dan gloal lain.

Dengan perkembangan ini, ia setara dengan jolokannya sebagai pertumbuhan "berorientasikan projek" yang menafikan tanggapan dan kesangsian awal yang ia cuma sebuah lagi perkumpulan "kedai kopi" sejak ditubuhkan Jun 1997 di Istanbul.

Negara-negara D-8 merangkumi Malaysia, Indonesia, Iran, Bangladesh, Pakistan, Turki, Mesir dan Nigeria.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini mendedahkan bahawa pesawat prototaip itu, yang pembinaannya dilaksanakan oleh pakar-pakar penerbangan udara dari kesemua negara D-8, akan menjalani penerbangan ujian Sept depan.

Bagi kumpulan muda ini, ia merupakan satu pencapaian besar, dibandingkan dengan Pertumbuh Persidangan Islam (OIC) yang lebih besar dengan 55 anggota yang terdiri daripada pelbagai sistem sosio-ekonomi dan perbezaan luasa politik dan ideologi.

Para pemerhati berpendapat bahawa OIC lebih menumpukan kepada perbezaan daripada persamaan yang boleh dieksploitasi untuk faedah bersama. Sumber diplomatik berkata setelah 30 tahun, OIC tidak memperlihatkan banyak projek dilaksanakan untuk mempertingkatkan kehidupan penduduk negara-negara anggota Islam.

Keadaan ini menyedihkan walaupun sesetengah anggota OIC terdiri daripada negara-negara kaya dan mempunyai pelaburan besar di pasaran-pasaran Barat, tetapi bersikap dingin untuk melabur di negara-negara Islam lain.

Sebaliknya, D-8 yang lebih kecil itu sedang melaksanakna projek-projek yang boleh dilaksanakan.

Bagaimanapun, D-8 tidak berhasrat untuk menjadi eksklusif, seperti ditegaskan oleh Syed Hamid yang menyatakan bahawa kemajuan ekonomi yang dicapai oleh D-8 akan melengkapkan lagi dan memperkukuhkan OIC.

Mungkin tepat masanya mengenang kembali kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak D-8 lalu di Istanbul yang menyatakan kumpulan itu patut dibubarkan sekiranya ia gagal mencapai matlamat-matlamatnya.

Tetapi daripada apa yang telah berlaku, ia adalah sebaliknya keana projek-projek D-8 telah melampaui peringkat janinnya. Misalnya, Malaysia, yagn ditugaskan menyeleraskan kewangan dan perbankan Islam dengan perniagaan takaful di kalangan negara D-8, telaah berjaya menubuhkan syarikat usaha sama takaful di Indonesia.

Bukan itu sahaja, kerjasama di kalangan negara membangun telah melampaui kumpulan D-8 apabila pertumbuhan takaful turut ditubuhkan di Brunei dan Sri Lanka manakkala Afrika Selatan menunjukkan minat yang.

Berikutan kejayaan itu, anggota-anggota D-8 meminta Malaysia membentangkan kertas kerja mengenai potensi takaful semula yagn berpotensi luas atau perniagaan insurans semula Islam pada sidang kemuncak kedua akan datang di Bangladesh minggu depan.

Satu bidang lain yang mungkin diteliti ialah meluaskan perdagangan dan pelaburan memandangkan D-8 mempunyai penduduk digabungkan seramai 800 juta,

yang merupakan pasaran pengguna yang besar.

Sungguhpun eksport D-8 telah meningkat, sumbangan mereka kepada alairna dagangan global adalah kecil, iaitu cuma AS\$440 bilion atau empat peratus daripada jumlah perdagangan dunia sebanyak AS\$10.2 trilion.

Bagi Malaysia, perdagangannya tahun lalu dengan negara-negara D-8 berjumlah RM17 bilion ataaau cuma 3.2 peratusd daripada perdagangan dunianya, tetapi ia telah meningkat berbanding RM12.4 bilion atau 2.8 peratus pada 1997.

Berlatarkan keadaan yang memberangsangkan itu, usaha-usaha perlu diambil untum meningkatkan perdagangan dengan memudahkan prosedur, menganjurkan pameran-pameran perdagangan dan penggalakan bagi meningkatkan perdagangan di dalam pasaran D-8 dan dunia seluruhnya.

Walaupun terdapat kejayaan-kejayaan itu, negara-negara anggota tidak harus leka, sebaliknya mereka harus mengembleng sumber-sumber secara kolektif untuk terus maju ke depan.

Ini penting, terutamanya ketika sebahagian besar Asia Timur dilanda krisis ekonomi manakala sesetengah negara Islam dimusnahkan oleh bencana alam dan yang lain ditekan oleh hutang yang meningkat.

-- BERNAMA

MR SHY OS